



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS *FLAG OFF* PROGRAM
KEMBARA INI WARISAN KITA**

**5 JULAI 2024 (JUMAAT)
LOKASI : PERKARANGAN RESTORAN ALI MAJU,
PRESINT 2, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum wbt
Salam Perpaduan
Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu mari kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis *Flag Off* Program Kembara Ini Warisan Kita yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
2. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Putrajaya, Kuala Lumpur, Pahang, Kelantan dan Selangor yang berganding bahu menjayakan program Kembara Ini Warisan Kita bermula hari ini di Perkarangan Restoran Ali Maju Presint 2, Putrajaya sebelum ke destinasi berikutnya iaitu :
 - (a) KRT Taman Setapak Indah, Kuala Lumpur
 - (b) KRT Kg.Pasir Bayam, Raub Pahang
 - (c) Laman Qaseh, Lipis Pahang
 - (d) KRT Kg.Batu Papan Gua Musang, Kelantan
 - (e) SK Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan
 - (f) KRT Bandar Tun Hussein Onn, Hulu Langat Selangor

KEMBARA INI WARISAN KITA

3. Program 'Kembara Ini Warisan Kita' dianjurkan bertujuan untuk membina kefahaman dan penerimaan terhadap kepelbagaian etnik dan budaya dalam masyarakat Malaysia, mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi, serta meningkatkan semangat jati diri dan rasa tanggungjawab untuk memelihara keharmonian dalam negara. Matlamat utama kita adalah membina Malaysia MADANI yang kukuh dan bersatu padu.
4. Program Kembara Ini Warisan Kita mampu menjadi wadah perpaduan dan tapak integrasi baru yang berkesan sehingga ke peringkat akar umbi. Melalui pelbagai aktiviti interaksi sosial merentasi kaum dan generasi, kita dapat merapatkan jurang yang wujud serta membentuk setiap individu untuk memahami, menghormati, dan meraikan kepelbagaian di negara ini.

Hadirin yang dihormati,

KAMPUNG ANGKAT MADANI

5. Tujuan utama Program Kampung Angkat Madani adalah untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk Kampung Batu Papan melalui projek naik taraf infrastruktur seperti jalan, lampu jalan, prasarana telekomunikasi, dan bekalan air bersih.

6. Fokus kepada menaik taraf lampu jalan, menaik taraf bekalan air bersih, pembaikan dan naik taraf dataran kejut, Pusat Operasi KRT/SRS dan Pusat Komuniti Desa, Pembaikan dan naik taraf Tabika, naik taraf gelanggang futsal dan padang bola, pembaikan dan naik taraf longkang, membina tandas dan wakaf di Kawasan Dataran Sungai Galas, memasang papan tanda dan naik taraf kemudahan eko-pelancongan di Kawasan Gua Madu.
7. Kemudahan asas yang telah dibangunkan di Kampung Batu Papan termasuk jalan berturap, pusat KRT, tabika, taska, dewan wawasan, dewan terbuka, masjid, pusat komuniti desa, menara telekomunikasi, siren banjir, padang bola sepak, gelanggang futsal, tapak perkuburan Islam, kedai runcit, dan warung/kedai makan.
8. Kampung Batu Papan mempunyai rangkaian telefon dan capaian internet yang baik melalui syarikat pembekal komunikasi, oleh itu tidak memerlukan naik taraf prasarana telekomunikasi.
9. Sumber air utama di Kampung Batu Papan adalah bekalan air paip daripada Jabatan Air Kelantan dan bekalan air semulajadi (air graviti) kerana tekanan air paip yang rendah. Projek ini juga akan menaiktaraf bekalan air bersih dengan menambah baik fasiliti sedia ada.

10. Pengisian aktiviti memaparkan elemen kebudayaan Borneo dapat dilihat di setiap *check point* terlibat seperti :
- a) Sesi perkongsian Budaya Warisan Kita (Sarawak)
 - b) Demontrasi masakan Borneo
 - c) Persembahan Kebudayaan Borneo
 - d) Pameran Kebudayaan Sarawak
11. Program ini diadakan bertujuan untuk membina kefahaman dan penerimaan terhadap kepelbagaian etnik dan budaya masyarakat Borneo yang ada dalam masyarakat Malaysia di samping mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi berdasarkan konsep faham, hormat dan terima dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

KRT PROGRESIF

12. KRT Batu Papan merupakan salah satu RT Progresif. KRT ini juga merupakan KRT yang terpilih di bawah Program Kampung Angkat Madani yang mendapat peruntukan sebanyak RM2.5 Juta. Di bawah RT Progresif, KRT Batu Papan mendapat peruntukan sebanyak RM60,000. Antara projek yang dilaksanakan adalah Projek Ternakan Ikan Air Tawar MyKP dan tanaman fertigasi (timun batang).

PROGRAM INI WARISAN KITA

13. program Ini Warisan Kita (IWK) merupakan salah satu kluster dalam Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang berfokuskan menyemarakkan kebudayaan masyarakat pelbagai etnik serta budaya, meningkatkan jati diri dan menterjemahkan penerimaan masyarakat terhadap kepelbagaian sekaligus meraikan kebersamaan.
14. Program Ini Warisan Kita adalah bagi melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini. Kepelbagaian kaum di negara ini mempunyai kelebihan yang boleh dinikmati bersama dengan adanya perancangan dan strategi yang tersusun. Perancangan secara berperingkat mestilah dirancang antara kaum dan bangsa dari semasa ke semasa dalam pembentukan negara bangsa.
15. Keunikan Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama, etnik, kebudayaan serta mengamalkan cara hidup yang berbeza. Perpaduan negara merupakan matlamat penting dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sama ada dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan sebagainya supaya tidak berlakunya

sebarang isu pilih kasih atau menyentuh isu sensitif mana-mana kaum.

16. Apa yang sewajarnya dilakukan demi survival serta kesejahteraan rakyat terus terjamin dalam dunia yang amat kompetitif hari ini adalah usaha harus dilipatgandakan bagi menambah baik daya saing nasional melalui penggunaan kreativiti, inovasi dan menjulat usaha penciptaan kekayaan baru berasaskan sifat keusahawanan mandiri. Semua matlamat ini tidak mungkin akan tercapai tanpa wujudnya perpaduan nasional, keamanan, kestabilan dan keharmonian

PENUTUP

17. Dengan usaha murni ini, saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat meningkatkan kestabilan dan keharmonian yang kita kecapai pada hari ini. Justeru, marilah kita sama-sama mencorakkan nilai yang positif dalam membentuk masyarakat yang progresif dari semua aspek bagi mencapai pembangunan masyarakat MADANI yang diidamkan.
18. Sekali lagi, terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di Ibu Pejabat dan juga negeri di Kuala Lumpur, Pahang, Kelantan, Selangor dan Putrajaya yang telah berganding bahu merancang dan merealisasikan penganjuran program Kembara Ini Warisan Kita pada kali ini.

Kerjasama strategik dan sokongan semua pihak adalah tunjang kejayaan membentuk masyarakat yang harmoni.

11. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan program **Kembara Ini Warisan Kita Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.